



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 46

18hb Julai 2002

No. 15

---

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

**No. 143.**

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS SATU

APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Puan Elesabet Paya Wan sebagai Majistret Kelas Satu mulai 1 September 2001.

2. Pemberitahuan *Warta* No. 83 yang disiarkan pada 9 Mei 2002 adalah dibatalkan.

In exercise of the powers conferred by subsection 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], the State Authority has appointed Puan Elesabet Paya Wan as a First Class Magistrate with effect from the 1 September 2001.

2. *Gazette* Notification No. 83 published on 9 May 2002 is revoked.

Bertarikh 1 Julai 2002.

Dated 1 July 2002.

[JKMM. 253/7-1 Jld. 4; PUN(M) 223/6 Klt. 8.]

MAEMUN BIN HAJI MD. SABARI,  
Setiausaha/Clerk,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Melaka/State Executive Council,  
Malacca

**No. 144.**

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Encik Ahmad Nasir bin Abdullah sebagai Majistret Kelas Dua berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2001.

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], the State Authority has appointed Encik Ahmad Nasir bin Abdullah as a Second Class Magistrate with effect from 1 October 2001.

Bertarikh 27 Jun 2002.

Dated 27 June 2002.

[JKMM. 173/28; PTG(M) A/173/14 Jld. IV; PUN(M) 223/6 Klt. 9.]

MAEMUN BIN HAJI MD. SABARI,  
Setiausaha/Clerk of Council,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Melaka/State Executive Council,  
Malacca

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 145.**

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Encik Ahmad Nasir bin Abdullah sebagai Penolong Pentadbir Tanah bagi daerah-daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2001.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has appointed Encik Ahmad Nasir bin Abdullah as an Assistant Land Administrator for the districts of Melaka Tengah, Alor Gajah and Jasin with effect from 1 October 2001.

Bertarikh 27 Jun 2002.

Dated 27 June 2002.

[JKMM. 173/28; PTG(M) A/173/14 Jld. 1V; PUN(M) 223/6 Klt. 9.]

MAEMUN BIN HAJI MD. SABARI,  
Setiausaha/Clerk of Council,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Melaka/State Executive Council,  
Malacca

**No. 146.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan Hakmilik Tanah GMM 349, Lot 2238, Mukim Serkam  
Daerah Jasin telah hilang.

JADUAL

Mukim—Serkam. No. Lot—2238. Jenis dan No. Hakmilik—GMM 349. Luas—  
0.0934 hektar.

Bertarikh 3 Jun 2002.  
[PTJ/D. 1568(5).]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Jasin

**No. 147.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan Hakmilik Tanah GMM 388, Lot 442, Mukim Bukit  
Senggeh Daerah Jasin telah hilang.

JADUAL

Mukim—Bukit Senggeh. No. Lot—442. Jenis dan No. Hakmilik—GMM 388.  
Luas—0.735 hektar.

Bertarikh 3 Jun 2002.  
[PTJ/D. 1572(5).]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Jasin

**No. 148.**

(Seksyen 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Bohari bin Hussen, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu,

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelongan awam, yang akan diadakan pada 21 November 2002 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah Jasin; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM27,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM20,461.56.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Rim. No. Lot—1845. Jenis dan No. Hakmilik—GM MCL 161. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Persn. 1149/93, Jilid 72, Folio 98. Satu (1) Hakmilik sahaja.

Bertarikh 23 Mei 2002.  
[PTJ/D. 1509 (25A).]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Jasin

#### No. 149.

Saya, Mohd. Bohari bin Hussen, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu,

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelongan awam, yang akan diadakan pada 9 November 2002 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah Jasin; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM126,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM161,367.16.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Rambai. No. Lot—3097. Jenis dan No. Hakmilik—GM MCL 1273. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Persn. 1056/85, Jilid 39, Folio 94. Satu (1) Hakmilik sahaja.

Bertarikh 13 Jun 2002.  
[PTJ/D. 1554 (19A).]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Jasin

**No. 150.**

Saya, Siti Hijer bte Hj. Othman, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu,

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 10 Ogos 2002 Jam 10.40 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM46,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM51,665.41.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kelemak. No. PT.—211. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 189. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Gadaian Per. 872/86, Jilid 85, Folio 36.

Bertarikh 20 Jun 2002.  
[PTAG/B1/04/3/2001 (28).]

SITI HIJER BTE HJ. OTHMAN,  
Penolong Pegawai Daerah (P/H),  
b.p. Pentadbir Tanah Daerah,  
Alor Gajah

**No. 151.**

Saya, Siti Hijer bte Hj. Othman, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu,

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 10 Ogos 2002 Jam 10.40 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM70,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM121,282.90.

# WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

328

[18hb Julai 2002]

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sg. Baru Ulu. No. Lot/Petak/PT.—2369 (PT. 256). Jenis dan No. Hakmilik—GM 85. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Gadaian Per. 142/2000, Jilid 120, Folio 46.

Bertarikh 20 Jun 2002.  
[PTAG/B1/04/38/2001 (15.)]

SITI HIJER BTE HJ. OTHMAN,  
Penolong Pegawai Daerah (P/H),  
b.p. Pentadbir Tanah Daerah,  
Alor Gajah

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

No. 152.

(Seksyen 8)

### PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

- Sistem dan Perkhidmatan Pembentungan (Tapak Loji Rawatan Enapcemar).
2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

### JADUAL

Daerah—Jasin. Mukim—Merlimau. No. Lot Ukur—4000. Hakmilik atau Pendudukan—G. 10971. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Consolidated Plantations Berhad—semua. Luas Lot—215.4 hektar. Lebih kurang Luas yang hendak Diambil—3.0000 hektar.

Bertarikh 27 Jun 2002.  
[UPT(M) 02/018/02/020.]

JAAFAR BIN ABU,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Melaka

Hakcipta Pencetak ⑧

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA